



SOALAN LAZIM

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL *PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P)*

1. Apakah itu *Professional Development Programme (Pro-P)*?

Professional Development Programme (Pro-P) adalah program penajaan pelajaran berbentuk **Pinjaman Boleh Ubah** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) ke peringkat Profesional/Pakar di Institusi Pengajian Tinggi terkemuka dalam negara kepada graduan cemerlang dalam bidang yang memberi impak yang besar kepada keperluan guna tenaga negara.

2. Apakah kursus dan syarat kelayakan untuk melayakkan saya memohon Program Pro-P?

Kursus dan syarat kelayakan Program Pro-P boleh dirujuk di dalam garis panduan permohonan semasa permohonan dibuka.

3. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program Pro-P?

Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui Portal MARA <http://www.mara.gov.my> apabila permohonan dibuka. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebagai **pengguna baharu** sebelum mengisi permohonan. Pemohon juga dinasihatkan membaca dan memahami garis panduan yang disediakan sebelum membuat permohonan.

4. Bilakah permohonan akan dibuka?

Permohonan akan dibuka bermula **16 April sehingga 03 Mei 2021**.

5. Bolehkah saya memohon Program Pro-P sekiranya Ibu saya telah disenaraihitam MARA?

Tidak boleh. Ibu, ayah, penjaga, penjamin dan pemohon perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan segera menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon Program Pro-P.

6. Sekiranya permohonan telah ditutup, adakah saya boleh memohon secara manual menggunakan surat permohonan?

Tiada permohonan secara manual dibenarkan.

7. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?

Pemohon dinasihatkan untuk menyemak syarat kelayakan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbang untuk ditawarkan Program Pro-P.



SOALAN LAZIM

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL PROFFESIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (Pro-P)

8. Adakah saya perlu menduduki ujian psikometrik atau proses temuduga selepas memohon?
Sebarang maklumat berkaitan ujian psikometrik atau proses temuduga akan dimaklumkan kepada pemohon dari semasa ke semasa melalui emel.

9. Apakah bentuk tajaan yang akan saya terima sekiranya ditawarkan dalam Program Pro-P?
Tajaan pinjaman pelajaran **dalam negara** merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup serta Elaun Pengangkutan. Elaun Pengangkutan (pergi & balik) hanya akan dibayar kepada pelajar Semenanjung yang mendapat tawaran pengajian di Sabah/Sarawak atau pelajar Sabah/Sarawak yang mendapat tawaran pengajian di Semenanjung.
Bagi pengajian **luar negara** tajaan pinjaman pelajaran merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup, Elaun Penempatan, Elaun Pengangkutan (pergi & balik), Visa dan Insurans.

10. Adakah permohonan pengajian ini terbuka secara separuh masa?

Tidak. Permohonan pengajian ini terbuka secara **sempenuh masa** sahaja.

11. Adakah saya perlu menghantar borang atau apa-apa dokumen selepas membuat permohonan?

Pemohon terlebih dahulu mengisi dan melengkapkan permohonan secara atas talian (*online*). Pemohon disarankan mencetak slip pengesahan permohonan untuk tujuan rujukan. Penghantaran dokumen hanya perlu dibuat setelah pihak MARA meminta pemohon berbuat demikian.

12. Bilakah saya boleh membuat semakan keputusan?

Pemohon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di Portal MARA dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini.

13. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila emelkan kepada prop@mara.gov.my